

Malaysia beli 10 helikopter Mi-17 buatan Rusia ganti Nuri

UM 16 MAR 2002

Daripada HAMZAH SIDEK

MOSCOW 15 Mac — Malaysia akan membeli 10 buah helikopter pelbagai guna Mi-17 buatan Rusia bagi menggantikan pesawat Nuri yang sudah lama digunakan oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak yang mengiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mo-

hamad dalam lawatannya ke Rusia, mengesahkan pembelian itu.

Bagaimanapun, beliau enggan memberikan butir-butir lanjut.

Kilang

Difahamkan helikopter itu berharga kira-kira AS\$5 juta (RM19 juta) sebuah.

Dr. Mahathir pernah melawat ke kilang helikopter itu di Ulan Udi, Khavarsk pada 1999.

Mi-17 akan menggantikan Nu-

ri sebagai pesawat yang digunakan untuk pengangkutan tentera dan operasi penyelamat.

Helikopter pengangkut ringan Nuri atau nama asalnya Sikorsky 61A-4 merupakan helikopter buatan Amerika Syarikat yang digunakan oleh Malaysia sejak tahun 1967.

Dari sudut sejarah, Nuri mempunyai rekod perkhidmatan yang cemerlang.

Malaysia juga memiliki 18

buah jet MiG-29 buatan Rusia yang dibeli pada 1994. Enam belas daripada jet itu digunakan sebagai pesawat pejuang, manakala dua lagi untuk latihan.

Dr. Mahathir dan Najib hari ini turut melawat ke Istitut Latihan Zhukovsky untuk menyaksikan dari dekat keupayaan pesawat Sukhoy buatan Rusia yang dikatakan mempunyai ke-

■ Lihat muka 4

Malaysia beli 10 helikopter Mi-17 buatan Rusia ganti Nuri

UM 16 MAR 2002

upaya lebih hebat daripada MiG-29 dan F-18 Hornets buatan Amerika Syarikat yang juga digunakan oleh TUDM.

Malaysia juga dikatakan berminat untuk memiliki pesawat Su-30MK tetapi setakat ini belum ada keputusan muktamad mengenainya.

Dalam pertemuan dengan Dr. Mahathir, Presiden Rusia, Vladimir Putin telah menyatakan negaranya berhasrat untuk bekerjasama dengan Malaysia bagi melancarkan satelit dengan menggunakan pelancar bergerak.

Menurut Putin, kedudukan Malaysia berhampiran garisan khatulistiwa adalah lebih sesuai untuk pelancaran satelit.

Malaysia pernah melancarkan sebuah satelit buatan Rusia di negara itu. — *Utusan*